

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/3/2012

# Ahli UMNO patut bersikap terbuka pilih calon PRU-13

Syor Dr Mahathir benar orang luar bertanding jika untungkan parti dapat pelbagai reaksi

**Razak  
Rashid Ghows**

bhnews@bharian.com.my



**P**ANDANGAN bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa UMNO boleh mengambil bukan ahli menjadi calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) tentu menarik perhatian banyak pihak.

Pemimpin parti pada peringkat bahagian yang bercita-cita tinggi untuk diangkat sebagai calon, terutama yang belum pernah merasai kerusi empuk Dewan Rakyat, mungkin mula bimbang dengan cadangan itu. Kata orang, silap hari bulan, hilang peluang jadi calon.

Yang sudah melepasi peluang itu atau hampir pencen, mungkin tidak begitu menghiraukan siapa yang ingin dicalonkan, asal parti menang. Itupun kalau dia peduli mengenai parti.

Ada yang berpendapat contoh Datuk Seri Idris Jala yang diberikan Dr Mahathir itu tidak tepat dalam isu pemilihan calon ini kerana Idris dipetik daripada Penerbangan Ma-

laysia (MAS) untuk menjadi menteri.

Jawatan menteri pula hak Perdana Menteri dan kesannya tidak seteruk saingan untuk menjadi calon pada pilihan raya.

Dalam kenyataannya kelmarin, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau melihat pada masa sekarang UMNO ketandusan pemimpin yang berkebolehan, menyebabkan ada segelintir ahli tidak memberi peluang kepada orang luar yang pandai untuk menyertai parti.

Atas sebab itu juga katanya, kebanyakan golongan profesional seperti doktor menyertai PAS.

Katanya lagi, apabila ini berlaku: "Kita nak cari calon pun susah, jika bubuh orang yang ada sekarang, mungkin dia akan kalah, tapi nak bubuh sapa (siapa), kalau tak, ambil saja orang luar jadi calon."

Kita memang menyanjung tinggi pandangan yang diluahkan Dr Mahathir itu kerana beliau mempunyai pengalaman luas memimpin parti. Ideanya itu juga satu pandangan baik dalam situasi yang dihadapi UMNO sekarang.

Namun cadangan, itu hendaklah diterima dengan secara berhati-hati atau seperti kata pepatah Inggeris, *with a pinch of salt*. Dengan

menyatakan demikian, Dr Mahathir bagaimanapun bukan bermaksud ramai 'orang luar' akan dipilih sebagai calon. Apa yang dimaksudkan beliau ialah dalam keadaan yang mana parti menghadapi kesukaran untuk mencari calon sesuai, maka bolehlah cadangan 'orang luar' itu dipertimbangkan.

Soal sama ada golongan profesional menyertai PAS kerana mereka susah hendak masuk UMNO harus dikaji dengan lebih terperinci. Bukan semua masuk PAS kerana sukar menyertai UMNO. Golongan profesional seperti doktor mempunyai pemikiran dan penilaian sendiri.

Lagipun bukan semua golongan profesional ini patut diterima UMNO. Sesetengahnya mendapat biasiswa kerajaan tetapi apabila sudah lulus cemerlang dan bekerja, mereka menyokong pembangkang. Golongan ini tidak layak menjadi ahli UMNO, apatah lagi diangkat menjadi calon pada pilihan raya.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habsee, berkata orang luar yang dimaksudkan Dr Mahathir itu ialah yang menyokong parti, jadi tiada masalah bagi parti untuk mencalonkannya.

"Sebagai ahli kita kena pasti par-

ti kuat. Masalah kita ialah politik. Apa yang Dr Mahathir kata kalau layak dan sokong kerajaan, tidak ada masalah (untuk menjadi calon)," katanya.

Beliau mengakui pemimpin UMNO pada peringkat bahagian sekarang kurang bersuara menyebabkan UMNO kelihatan lemah.

"Mereka kurang bercakap untuk patahkan dakwaan pembangkang. Saya bercakap dan hanya kadangkala pendapat saya disiarkan media tetapi kalau tak siarkan, saya ada blog sendiri," katanya.

Beliau berpendapat ahli UMNO perlu bersikap terbuka dalam hal sebegini.

"Pasal apa hanya ketua bahagian saja kena bertanding? Kalau ada orang lain yang boleh bawa kemenangan, apa salahnya dipilih sebagai calon," katanya.

Selain itu, Ketua UMNO Bahagian Cheras itu juga sememangnya diketahui menyokong kuat Dr Mahathir. Namun, beliau bukan menyokong secara membuta tuli kerana beliau sendiri pun sering mengeluarkan pendapat sama ada mengenai parti UMNO mahupun pembangkang.

Malah pada 2005, beliau ditegur Pengerusi Lembaga Disiplin UM-

NO kerana mengkritik lembaga itu sebagai pilih kasih ketika menjatuhkan hukuman berikutan isu penggantungan Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai ketika itu, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

"Bagi saya kalau munasabah, saya sokong. Kita perlu terbuka. Saya lihat hasrat Dr Mahathir ini bertujuan untuk melihat BN terus berkuasa," katanya.

Ketua Bahagian Wangsa Maju, Datuk Shafie Abdullah, berpendapat perkara penting yang harus menjadi pertimbangan ialah *winnable candidate*.

"Kalau dia penyokong kerajaan tetapi bukan ahli, tidak apa. Calon mampu menang juga mesti orang yang dikenali. Kalau orang tidak kenal, bagaimana mahu menang."

Calon itu, kata Shafie harus diterima UMNO terlebih dulu dan diterima pula parti komponen dan masyarakat setempat.

Apapun, cadangan Dr Mahathir itu memang menarik untuk pemimpin dan ahli UMNO mengupasnya menjelang PRU-13 ini. Keputusan PRU-12 amat pedih untuk diterima parti dan sudah tentu dalam situasi sedemikian, ahli UMNO tidak harus terलाह berkira siapa hendak diketengahkan sebagai calon.

BH - 30/3/2012